
KOTA PERAI
Dalam
SEJARAH PULAU PINANG
(1786–1874)



AKMAL ANAS BIN ABD MALEK
& MOHD HERMAN BIN ROSLAN

KOTA PERAI DALAM SEJARAH PULAU PINANG

Akmal Anas bin Abd Malek
Mohd Herman Bin Roslan

(Persatuan Penyelidikan dan Pembudayaan Sejarah Negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang)

2025

Kandungan

Kota Perai.....3

Raja Perai – Tunku Sulaiman Ibni Almahum Sultan Abdullah Mukarram Shah 7

Kampung Kota – Markas Pejuang Perang Musuh Bisik 9

Makam Diraja Kampung Kota 11

Tapak Batu Sempadan Inggeris-Siam 1831 12

Bukit Jelutong 14

Tapak Kediaman (Resident) Tunku Sulaiman 15

Makam Nisan Acheh di Kampung Terus 17

Pangkalan Raja 18


Labuh Banting.....19

Tinggalan Banglo James Low – Bukit Merah.....21

Kota Perai

Sebelum kedatangan British pada abad ke 18, wilayah Seberang Perai dahulunya merupakan sebahagian dari wilayah kedah. Ia ditadbir oleh kaum kerabat Sultan Kedah sejak abad ke 12 lagi dan dikenali sebagai Wilayah Perai. Pusat pemerintahan wilyah Perai semasa abad ke 18 dan 19 dikenali sebagai Kota Perai, terletak di Kampung Kota, Permatang Pauh, Seberang Perai Tengah.

Namun wilayah Perai ini telah terbahagi dua setelah kedatangan British, Pada tahun 1800, Sultan Dhiaudin telah memajakan pesisir pantai Seberang Perai kepada British, Satu perjanjian "Perdamaian, Persahabatan & Bersekutu" telah ditandatangani di antara George Leith dan Sultan Diauddin pada 6 Jun 1800. Luas kawasan tersebut adalah 60 orlong dari pantai ke darat dan panjangnya dari Sungai Muda ke Sungai Kerian. Kawasan pesisir pantai telah dimiliki oleh British, dikenali sebagai Province Wellelsey manakala kawasan sebelah timur masih didalam negeri Kedah dikenali sebagai Kota Perai.



Peta 1 Peta Penang dan Province Wellesley yang memaparkan sempadan Province Wellesley selepas Perjanjian 1800. Sumber: *(Newbold, 1839, p. 49)*

Kota Perai ini juga dikenali sebagai Kota Jelutong Perai, mengambil nama sempena nama Sungai Perai dan Bukit Jelutong yang berada berdekatan dengan kawasan ini. Kawasan Kota ini merangkumi Kampung Kota, Kampung Bukit Jelutong, Kampung Pengkalan Tambang, Kampung Kubu dan Kampung Terus malah merangkumi Mukim 21 dan Mukim 3 di dalam daerah Seberang Perai Tengah.


Selain dari pusat pemerintahan, kawasan ini juga merupkaan pusat perdagangan hasil mahsul dari hulu Kedah melalui Sungai Perai. Cukai hasil dagangan akan dikutip di sini sebelum barangan tersebut dihantar ke kawasan British di Kuala Perai, seterusnya ke Pulau Pinang.
Antara hasil dagangan tersebut ialah kayu-kayan, opium, bijih timah dan lain-lain lagi, malah gajah juga dibawa melalui Sungai Perai untuk di eksport ke Pantai Coromandel, India.

Namun wilayah Kota Perai ini semakin mengecil kesan daripada Perang Musuh Bisik yang belaku dari tahun 1821 sehingga 1842. Pada tahun 1831, setelah kekalahan Kedah

kepada Siam semasa perang musuh bisik yang pertama, Siam telah menyerahkan sebahagian besar kawasan Kota Perai kepada British. Ini adalah ganjaran kepada British kerana tidak membantu Kedah semasa Perang Musuh Bisik 1831 dan secara tidak langsung dapat mengawal kebangkitan pejuang-pejuang Melayu yg berada di wilayah Kota pada masa tersebut.

“Triangular Piece of Ground having Kotah at its Apex in the very Heart of Province Wellwsley”.

Gelaran yang diberikan British terhadap wilayah Kota Perai ketika itu. Wilayah Kota Perai pada tahun 1831 hanya tinggal ¼ daripada keseluruhan Seberang Perai. Namun laluan dari hulu Sungai Perai masih berada di dalam kawalan Kota Perai. Hal ini menyebabkan British masih tidak senang hati kerana mereka ingin mengawal keseluruhan laluan Sungai Perai.






Peta 2 ***Triangular Piece of Ground of Province Wellesley 1831.*** Diolah dan diadaptasi dari *(Penang Island and Province Wellesley, 1853, CO 700/StraitsSettlements6, Sumber : National Archives UK)*

Beberapa percubaan untuk mendapatkan baki wilayah Kota Perai ini telah dilakukan oleh British sejak tahun 1845, merujuk kepada surat Kolonel Butterworth, Gabenor Negeri Selat kepada Sultan Kedah ke 23, Sultan Zainal Rashid I, bertarikh 5 Dis 1846. Akan tetapi Sultan Kedah tidak bersetuju menyerahkan kawasan ni kepada British pada waktu tersebut.

Akhirnya pada tahun 1869, melaui Thomas George Knox Esq, Konsul Jeneral British di Siam, telah memohon kawasan ini dari Raja Siam (Rama V). Pada waktu tersebut, Siam menghadapi tekanan akibat diasak oleh Perancis di bahagian utara, British mengambil kesempatan ini mendapatkan persetujuan dari Raja Siam. Akhirnya Rama V bersetuju menyerahkan kawasan ini walaupun tanpa persetujuan Sultan Kedah.

Satu perjanjian Inggeris-Siam telah ditandatangani dengan Chao Phya Sri Suriwongsa Phra Kalahome, Perdana Menteri Siam bagi pihak Raja Siam, pada 6 Mei 1869. Maka sejak itu berakhirlah pemerintahan Kota Perai dan juga wilayah Kedah di Seberang Perai. Tiada tinggalan kota atau bagunan yang dapat dilihat pada masa sekarang, merujuk kepada penduduk tempatan, kota yang dibina dahulu hanya menggunakan pokok-pokok buluh dan juga terusan sebagai struktur perlindungan kota. Maka tidak ada tinggalan struktur batu-bata yang dapat dilihat sekarang seperti kota-kota ditempat lain.

Namun ada juga pendapat mengatakan bvahawa struktur kota tersebut telah diroboh oleh Inggeris setelah mereka berjaya mendapatkan kawasan ini semasa persempadanan tahun 1869, namun tiada bukti bertulis mengenai hal tersebut. Antara tinggalan yang dapat dilihat sekarang hanyalah makam diraja, pokok buluh, terusan-terusan lama dan juga nama-nama kerabat sultan Kedah yang terdapat di dalam geran tanah lama di kawasan Kampung Kota dan juga Kampung Kubu.



Raja Perai – Tunku Sulaiman Ibni Almahum Sultan Abdullah Mukarram Shah


Pada abad ke 18 dan 19, Wilayah Perai mempunyai pentadbiran yang tersendiri dan pusat pentadbiran wilayah tersebut dikenali sebagai Kota Perai, ianya terletak di Kampung Kota, Permatang Pasir, Permatang Pauh, Seberang Perai Tengah.

Pemerintah yang mentadbir Kota Perai waktu itu ialah Tunku Sulaiman, beliau merupakan anakanda kepada Sultan Abdullah Mukarram Shah. Sultan kedah yang ke 20 merangkap adinda kepada Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II (Sultan Kedah ke 22).

Semasa pemerintahan Sultan Abdullah (1778-1797), Tunku Sulaiman telah dilantik sebagai pemerintah Arau, di Perlis. Pada masa tersebut, Perlis ditadbir oleh Tunku Dhiaudin, juga dikenali sebagai Raja Muda Kayang. Pada tahun 1797, Tunku Dhiaudin telah ditabal menjadi Sultan, kawasan Tunku Sulaiman di Arau telah diserahkan kepada Syed Harun Jamalullail. Sebagai ganti, Sultan Dhiaudin telah memberi wilayah Perai kepada Tunku Sulaiman. Luas wilayah Perai merangkumi hingga ke Karangan, Kulim.

Pada tahun 1803, setelah Sultan Diauddin turun takhta dan diganti oleh Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II, Tunku Sulaiman telah berpindah dari Perlis ke Perai dan menjadikan Kota Perai sebagai pusat pemerintahannya.

Tunku Sulaiman telibat secara langsung semasa kempen Perang Musuh Bisik yang pertama pada tahun 1831. Selepas kekalahan pasukan Kedah, beliau akhirnya ditangkap oleh Siam dan dipenjarakan di Kedah. Seluruh badan beliau di rantai dan tengkuknya di kunci dengan ikatan besi, beliau juga telah diseksa di dalam penjara dan akhirnya mati semasa di dalam tahanan.



Rajah 1 Salasilah keturunan Tunku Sulaiman. *Diolah dari Sumber: (Winstedt, R.O, 1938)*

Kampung Kota – Markas Pejuang Perang Musuh Bisik

Pada 12 November 1821 ketika armada Siam dari Ligor menyerang dan menawan Kedah, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II Sultan Kedah ke-22 (1804-1845) telah berundur dari Kedah ke Kota Perai. Baginda telah diselamatkan oleh adindanya Tunku Sulaiman, sebelum mendapatkan perlindungan Inggeris di Pulau Pinang.

Pada tahun 1831, Kampung Kota juga telah dijadikan kubu pertahanan dan markas perjuangan Tunku Sulaiman serta pejuang-pejuang dari Seberang Perai. Dari Kota Perai mereka melancarkan beberapa siri serangan ke atas pendudukan tentera Siam di Kedah. Antara nama-nama yang tokoh yang terlibat dalam serangan tersebut adalah Tunku Sulaiman sendiri, anakandanya Tunku Muhammad dan Tunku Akil, serta anak saudaranya Tunku Safie, kesemua mereka menjadikan Kampung Kota sebagai markas mereka, sementara itu pasukan Tunku Kudin bersama Tunku Abdullah dan Tunku Long Puteh pula menjadikan kawasan Teluk Ayer Tawar sebagai markas kedua pasukan kedah.

Selepas kematian Tunku Sulaiman, Kota Perai kemudiannya ditadbir oleh menantunya, Tunku Mohamad Saad. Beliau juga adalah individu yang bertanggung jawab mengetuai serangan kedua pasukan Kedah terhadap Siam pada tahun 1838. Beliau menyambung perjuangan Tunku Sulaiman dan juga menjadikan Kampung Kota sebagai markas dan tempat berkumpulnya para pengikutnya untuk menyerang Siam di Kota Kuala kedah. Beliau bersama-sama adindanya, Tunku Mohd Taib Puteh merancang strategi untuk menyerang kembali Siam di Kedah. Pada 24 Mac 1838, serangan telah dilancarkan, pasukan Tunku Mohamad Saad menyerang melalui jalan laut, manakala pasukan adindanya menyerang melalui jalan darat.

Serangan mereka pada mulanya berjaya menawan kembali Kota Kuala Kedah, serangan juga diteruskan sehingga ke wilayah Singgora, namun pasukan Kedah telah diasak kembali oleh pasukan Siam dari Ligor menyebabkan mereka terpaksa berundur kembali ke Kota Kuala Kedah. Akhirnya pada 20 Mac 1839 Kota Kuala Kedah telah

ditawan semula oleh Siam. Tunku Mohamad Taib cuba mengumpulkan semula tentera Kedah dan melancarkan serangan ke atas siam di Alor Ganu tetapi tidak berjaya. Akhirnya Tunku Mohamad Saad dan Tunku Mohamad Taib berundur ke Seberang Perai, Wan Mohamad Ali berundur ke Langkawi, Tunku Abdullah ke Perlis dan kemudian menyerah diri kepada Gabenor SG Bonham di Pulau Pinang.

Selepas tamat perang pada tahun 1840, Tunku Mohamad Saad telah dijatuhkan hukuman buang negeri oleh Inggeris ke Morshidabat, India. Semasa ketiadaan Tunku Mohamad Saad, Tunku Abdullah anakanda Sultan Ahmad Tajuddin juga pernah tinggah di Kampung Kota, beliau kemudiannya mangkat pada tahun 1844 akibat kecederaan yang dialaminya semasa perang. Tunku Mohamad Saad kemudiannya dibenarkan pulang pada tahun 1843 dan menetap di Kampung Kota sehingga tahun 1846. Beliau kemudian berpindah ke kediaman bondanya di Hutton lane, Pulau Pinang dan mangkat disana pada tahun 1847.







Gambar sekitar kawasan Kampung Kota. Sumber : *Penulis*

Makam Diraja Kampung Kota

Terletak di Mukim 21 Kampung Kota. Permatamg Pasir, Permatang Pauh. Selepas perjanjian Kedah-British yang terakhir pada tahun 1869, kawasan Kampung Kota yang dulu dikenali sebagai Kota Perai telah diserap kedalam wilayah British, Province Wellelsey namun tanah perkuburan Diraja di Kampung Kota dalam wilayah British masih menjadi milik Yang Mulia Sultan Kedah, namun tetap tertakluk kepada bidang kuasa British dalam hal-hal yang lain, dengan syarat Sungai Muda bebas untuk dikawal setiap masa secara aman.

Semasa zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Shah (1881-1943), baginda telah mengutuskan surat kepada Allan Maclean Skinner bagi memohon geran tanah makam ini, Tanah makam ini terletak di atas lot 391 Kampung Kota, Mukim 21 (Kubu), Seberang Perai Tengah. Pihak Inggeris telah memberikan hak milik lot tersebut di atas nama Sultan Kedah, rekod-rekod tersebut ada di dalam catatan buku daftar lama Settlement Register. Tanah ini kemudiannya dijadikan tanah wakaf dan dikenali sebagai Makam Diraja Kedah.

Terdapat 5 buah makam di dalam komplek pemakaman ini. Antara makam yang dapat dipastikan pemiliknya ialah anakanda Tunku Sulaiman, Tunku Kutam binti Tunku Suliaman, ini kerana terdapat ukiran nama pada batu nisan tersebut, beliau mangkat pada tahun 1831, manakala 4 buah lagi makam tidak dapat dipastikan pemiliknya kerana tiada ukiran nama pada nisan tersebut. Kemungkinan pemilik makam yang lain ialah Tunku Sulaiman sendiri ataupun anakandanya Tunku Akil, cucundanya Tunku Muhammad, ataupun kerabat Kedah yang lain seperti Tunku Brahim dan juga Tunku Mat Kapie (Shafie), Nama-nama ini berdasarkan nama yang terdapat didalam geran lama tanah di Kampung Kota.



Gambar 1 Kompleks Makam Diraja Kedah yang terletak di Kg Kota, Permatang Pasir, Seberang Perai Tengah. *Sumber: Penulis*



Gambar 2 Makam kerabat Diraja Kedah yang terdapat didalam Kompleks Makam Diraja. Salah satu makanm yang dikenalpasti ialah makam Ku Tam Binti Tunku Sulaiman. *Sumber: Penulis*

Tapak Batu Sempadan Inggeris-Siam 1831

Setelah tamat Perang Musuh Bisik yang pertama tahun 1831, seluruh negeri Kedah telah jatuh ketangan Siam, termasuk wilyah Kota Perai di Seberang Perai. British telah mengambil kesempatan ini untuk meluaskan lagi wilayah Province Wellesley dengan membuat perjanjian 1831, dimana Siam telah bersetuju untuk meluaskan wilayah British di Seberang Perai sebagai membalas jasa British membantu mereka semasa Perang Musuh Bisik.

Satu perjanjian ditandatangani antara R. Ibetson, Chao Phya Ligor dan Kapten James Low pada 2 November 1831, dengan perjanjian ini keluasan Province Wellelsey bertambah 284 batu persegi dan batu sempadan pertama mula diperkenalkan. Penandaan sempadan Kapten James Low dengan wakil Raja Ligor, Along Kru Najuk Nu diselesaikan pada 3 April 1832.

Sempadan baru British pada tahun 1831 adalah seperti berikut, dari Bukit Semantol di tepi Selatan Sungai Kuala Muda melalui jalan ke Sungai Perai di tempat 10 orlong timur Sungai Sungai Dua Hulu, kemudian menuruni tengah Sungai Perai ke muara Sungai Sintok, kemudian menaiki Sungai Sintok ke arah timur secara lurus, dan sehingga ke Bukit Mertajam, kemudian dari Bukit Mertajam sepanjang rangkaian bukit yang

dipanggil Bukit Beratur ke tempat di tepi utara Sungai Kerian, 5 orlong di atas dan timur Bukit Tungal.

3 buah batu sempadan di bina sebagai tanda sempadan, di utara dibina Bukit Semantol, ditepi Sungai Muda, di kawasan tengah di tepi Sungai Perai di kawasan antara Kampung terus dan Kampung Kota, juga dikenali sebagai Trus Pillar dan di selatan, di tepi Sungai Kerian, di Bukit Tunggal.

Batu sempadan di utara dan selatan masih wujud sehingga sekarang, manakala batu sempadan tengah di Sungai Perai telah tiada, dipercayai kemungkinan telah dirobohksn ataupun tenggelam di dalam sungai akibat hakisan.



Tapak Batu Sempadan (Tengah) Sungai Perai



Bukit Jelutong

Bukit Jelutong merupakan sebuah bukit yang stategik di dalam kawasan Kota Perai, juga dikenali sebagai Kota Jelutong Perai. Lokasinya yang strategik menjadi Kota pertahanan dan tempat peninjau untuk mempertahankan Kota Perai. Pemandangan dari atas bukit ini dapat menjangkau sehingga ke Kuala Perai dan segala pergerakan di Sungai Perai dapat di pantau dari atas bukit ini. Dahulunya bukit ini menganjur dari Kampung Kota sehingga ke Pematang Pasir.

Selepas tamat Perang Musuh Bisik yang pertama tahun 1831, British telah meluaskan wilayahnya dengan membuat perjanjian dengan Ligor, Siam. Perjanjian ini dikenali sebagai perjanjian 1831. Sempadan British telah diubah sehingga ke sempadan Kota Perai, di mana Bukit Jelutong telah terbahagi kepada dua, satu disebelah Kota Perai dan satu bahagian lagi di sebelah Province Wellesley.

Kini yang tinggal hanya sebahagian bukit di sebelah Kampung Kota, manakala di sebelah lagi telah di ratakan pada tahun 1960 an, tanah dari bukit ini digunakan untuk menambun kawasan paya di kawasan Mak Mandin pada waktu itu. Kawasan bukit yang diratakan itu kini menjadi Sekolah Menengah Kebangsaan Pematang Pasir dan Pejabat Pendidikan Daerah Seberang Perai Tengah. Garis sempadan ditengah-tengah bukit tersebut masih digunakan sehingga sekarang sebagai sempadan di antara mukim 21 dan mukim 3.





Gambar sekitar kawasan Bukit Jelutong. Sumber : *Penulis*

Tapak Kediaman (Resident) Tunku Sulaiman

Merujuk kepada peta persempadanan Province Wellesley tahun 1800, kelihatan kediaman Tunku Sulaiman di dalam peta tersebut, kedudukannya di tebing Sungai Perai lama, pada masa sekarang dikenali sebagai Alur Sungai Kubu, kedudukannya diantara Kampung Kubu dan Kampung Terus.

Tiada tinggalan bagunan yang dapat dikenal pasti, namun terdapat tinggalan seramik dan besi dikawasan tersebut, antara barang yang dijumpai serpihan tempayan, pinggan mangkuk, cangkul, parang dan lain-lain lagi.

Dipercayai juga tapak kawasan ini kemudiannya dijadikan pengkalan dan tempat menyimpan barang dagangan dari kawasan pedalaman untuk dihantar ke Kuala Perai seterusnya ke Pulau Pinang. Pengkalan ini wujud sehingga tahun 1960 an di mana perahu-perahu peniaga cina akan belabuh di kawasan ini. Jalan sungai memainkan peranan yang penting pada waktu itu sebelum wujudnya jalan darat di sekitar Kampung Terus dan kampung Kubu.







Makam Nisan Acheh di Kampung Terus

Makam Nisan Aceh yang terletak di Kampung Terus, Seberang Perai Tengah merupakan salah satu tinggalan sejarah penting yang menghubungkan kawasan ini dengan jaringan budaya dan pengaruh langsung Kesultanan Kedah di Seberang Perai. Terletak di tepi alur lama Sungai Perai, makam ini mula mendapat perhatian dan dikaji secara lebih serius oleh pengkaji sejarah sekitar tahun 2015, walaupun kewujudannya telah lama diketahui oleh penduduk tempatan.





Gambar Makam Nisan Aceh di Kampung Terus yang berkemungkinan milik Tunku Sulaiman. *Sumber:Penulis*

Dari sudut tipologi, makam ini memaparkan ciri-ciri nisan Aceh abad ke-18 dan ke-19, yang lazimnya dihasilkan daripada batu pasir (sandstone) dan dihiasi dengan ukiran kaligrafi Arab serta motif floral dan geometri yang halus, sesuai dengan estetika seni Islam dari wilayah Aceh Darussalam. Nisan seperti ini bukan sahaja menunjukkan status sosial tinggi si mati, malah secara tradisinya diimport khas dari Aceh dan lazimnya hanya digunakan oleh kerabat diraja, bangsawan, atau pembesar negeri Kedah pada zaman tersebut.

Menurut maklumat daripada penduduk setempat, makam ini dikenali sebagai Makam ‘Tok Perat’, dan dipercayai merupakan tempat persemadian seorang tokoh lama yang mempunyai kedudukan atau peranan penting dalam sejarah tempatan. Kemungkinan beliau seorang pembesar istana, penguasa daerah, panglima atau individu yang mempunyai hubungan rapat dengan pihak istana Kesultanan Kedah. Namun, identiti sebenar Tok Perat masih belum dapat dipastikan secara sahih memandangkan tiada catatan bertulis yang ditemui setakat ini.

Penggunaan nisan Aceh sebagai tanda pusara menggambarkan pengaruh langsung Kesultanan Kedah, yang ketika itu berpusat di Kampung Kota, tidak jauh dari Kampung Terus dalam membentuk struktur masyarakat dan pentadbiran di wilayah Seberang Perai sebelum penyerahan kawasan ini kepada pihak British.

Menariknya, makam ini pada suatu ketika dahulu terlindung di sebalik busut anai-anai dan tidak kelihatan jelas, menyebabkan ia terabai dan hampir dilupakan. Hanya selepas beberapa usaha pembersihan dan kajian lapangan dijalankan pada tahun 2015, makam ini kembali menjadi perhatian dan dikenalpasti sebagai salah satu artifak sejarah yang signifikan.

Kewujudan makam ini bukan sahaja menyumbang kepada pemahaman kita terhadap sejarah awal pengaruh Kesultanan Kedah di Seberang Perai, tetapi ia juga sebahagian daripada warisan sejarah negeri Pulau Pinang dan perlu didokumentasikan secara rasmi agar tidak hilang ditelan masa. Warisan seperti ini wajar dipelihara dan dikaji dengan lebih mendalam kerana ia menyimpan naratif sejarah yang jarang ditemui dalam sumber bertulis rasmi, tetapi tersimpan rapi dalam bentuk batu nisan dan tapak makam.

Pangkalan Raja

Lokasinya terletak di tebing Sungai Perai di Kampung Terus, merupakan jeti atau pangkalan yang digunakan oleh pemerintah Perai ketika itu Tunku Sulaiman untuk berulang alik dari Kampung Terus dan Kampung Kubu ke pusat pemerintahannya di Kampung Kota. Berdekatan pengkalan ini juga digali sebuah terusan menuju ke Kediaman Tunku Sulaiman, terusan ini dibina bagi menjimatkan masa perjalanan melalui Sungai Perai yang berliku-liku. Kemungkinan besar nama Kampung Terus

juga berasal dari terusan ini. Namun pada masa sekarang terusan ini telah tiada, ini kerana ia telah dikambus dan dijadikan jalan, namun kesan muaranya masih dapat dilihat sehingga sekaang.

Pangkalan ini juga menjadi tempat persinggahan perahu dari Sungai Kulim dan juga Sungai Muda yang berhubung dengan Sungai Perai di kawasan ini. Jika cuaca buruk di kawasan pantai, jalan sungai ini akan digunakan sebagai jalan alternatif untuk mengelakan ribut dan sebagainya. Selain itu pejuang-pejuang Perang Musuh Bisik juga menggunakan laluan sungai ini untuk ke Kota Kuala Kedah dan berperang di sana. Laluan ini dapat mengelak daripada dikesan British yang mengawal kawasan pesisir pantai semasa peperangan berlangsung.

Pada masa sekarang Pengkalan Raja telah dibagunkan jeti yang lebih moden di bawah seliaan MPKK kampung Terus dan ia menjadi salah satu tempat yang menarik yang boleh dilawati di Seberang Peai Tengah. Kampung Terus juga sentiasa menjadi hos acara atau pogram tahunan yang diadakan oleh kerajaan negeri, antaranya Pesta Padi Antarabangsa, Pesta Sungai dan lain-lain lagi.





Gambar sekitar kawasan Pangkalan Raja. Sumber : *Penulis*

Labuh Banting

Kampung Labuh Banting terletak di bahagian paling timur Sungai Perai dan seterusnya bersambung secara langsung dengan Sungai Kulim. Kedudukannya yang strategik menjadikan kawasan ini sebagai salah satu lokasi penting dalam jaringan sungai di Seberang Perai. Kampung ini berada di titik pertemuan empat batang sungai utama, iaitu Sungai Perai, Sungai Kulim, Sungai Jarak dan Sungai Kereh, sekali gus meletakkannya sebagai simbul perhubungan air yang signifikan sejak zaman awal.

Pada abad ke-19, Labuh Banting berperanan sebagai salah satu pusat perdagangan utama bagi Kota Perai. Kawasan ini menjadi tempat persinggahan para pedagang dari kawasan

pedalaman dan hulu sungai yang membawa pelbagai hasil dagangan seperti kayu-kayan, hasil hutan, bahan makanan serta keperluan harian. Sebelum barangan tersebut dibawa ke Kuala Perai untuk dihantar ke Pulau Pinang atau dieksport ke luar negeri, para pedagang ini dikehendaki membayar cukai kepada pembesar Perai di Labuh Banting. Amalan ini mencerminkan peranan Labuh Banting bukan sahaja sebagai pusat perdagangan, malah sebagai lokasi pentadbiran dan kawalan ekonomi pada ketika itu.

Pada masa kini, kawasan Labuh Banting masih mengekalkan peranannya sebagai lokasi perhubungan sungai, meskipun dalam konteks yang lebih moden. Sebuah jeti yang lebih moden telah dibina di bahagian utara tebing Sungai Perai bagi menggantikan kemudahan lama. Jeti ini kini berada di bawah seliaan Koperasi Kampung Labuh Banting dan digunakan oleh penduduk setempat bagi tujuan pengangkutan, aktiviti ekonomi serta kegunaan harian.






Gambar sekitar kawasan Labuh Banting. Sumber : *Penulis*

Tinggalan Banglo James Low – Bukit Merah

Sebuah tinggalan banglo lama di atas Bukit Merah, Permatang Pauh, milik James Low. Penguasa Seberang Perai ketika Era Perang Musuh bisik, dahulu Bukit Merah juga dikenali sebagai Bukit Kechil, terletak di Permatang Pauh.

Banglo lama diatas Bukit Merah ini dipercayai di bina oleh James Low sekitar tahun 1830-1840. Ini berdasarkan bata merah yang digunakan adalah jenis yang sama seperti batu terat sempadan Seberang Perai 1831. Rumah tersebut berfungsi sebagai pos untuk mengawasi sempadan Seberang Perai dan Kedah (kawasan Kg Kota) pada masa tersebut.





Gambar sekitar tinggalan kediaman James Low. Sumber : *Penulis*

Setelah tamat Perang Musuh Bisik, James Low telah membuka ladang buah pala di kawasan sekitar Bukit Merah. Beliau menjadikan banglo di situ sebagai kediamannya serta tempat tinggal para pekerja ladang

Bagi memudahkan akses ke banglo yang dibina di atas bukit tersebut, satu jalan khas telah dibina merentasi lereng bukit. Menurut sumber daripada penduduk tempatan, jalan ini bukan sahaja digunakan untuk kegunaan peribadi, tetapi juga menjadi laluan utama bagi kereta kuda yang mengangkut pelbagai barangan ke banglo tersebut. Bunyi tapak kuda dan deruan roda kayu dikatakan pernah menjadi sebahagian daripada kehidupan harian di lereng bukit itu.

Selepas kematian James Low pada tahun 1852. Estate dan banglo di Bukit Merah ini kemudiannya di beli oleh Mahomed Merican Noordin dan kemudiannya bukit ini kenali sebagai Bukit Che Din oleh penduduk tempatan.